


BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan sahaja

- 1 (a) Rajah berikut berkaitan dengan dua organisasi yang mempunyai tujuan perniagaan berbeza.




Terangkan kaedah yang digunakan oleh organisasi di **Y** apabila menjalankan perniagaan

[4 markah]


- (b) Mengapakah keuntungan penting kepada sesebuah perniagaan ? [3 markah]
- (c) Nyatakan **tiga** kelebihan perniagaan bersaiz kecil. [3 markah]

2. a) Huraikan **satu** trend persekitaran dalam perniagaan. [3 markah]
- b) Nyatakan peranan MATRADE dalam aktiviti promosi [3 markah]
- c) Rajah di bawah menunjukkan graf kitaran ekonomi



Terangkan kitaran ekonomi fasa I dan fasa II [4 markah]

3. a) Jelaskan **dua** kesan kepada perniagaan jika gagal mencapai matlamat dan objektif perniagaan [2 markah]
- b) Jelaskan tatacara yang terlibat dalam proses pembelian barang yang dilaksanakan oleh bahagian fungsian pembelian. [4 markah]
- c) Rajah merupakan proses komunikasi yang berlaku dalam sesebuah organisasi perniagaan.



Terangkan X dan Y. [4 markah]

4. a) Terangkan dua peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia. [4 markah]
- b) Jelaskan faktor penentu sistem penggajian. [2 markah]
- c) Situasi di bawah ini menunjukkan seorang usahawan produk minyak wangi.

Puan Danielle bercadang untuk mengeluarkan minyak wangi beraroma serai wangi untuk kegunaan remaja. Produk tersebut akan dijual di pasar raya di seluruh Semenanjung Malaysia. Beliau juga bercadang untuk menjual produk tersebut secara jualan langsung.

Terangkan **dua** prosedur mengurus sumber fizikal yang dilaksanakan oleh Puan Danielle

[4 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Harraz.

Encik Harraz merupakan pemilik perniagaan Harraz Souvenir. Beliau memerlukan RM 65 000 bagi mengembangkan perniagaan yang diusahakannya.

- a) Nyatakan jenis pembiayaan yang sesuai dengan Encik Harraz. [1 markah]
- b) Jelaskan kelebihan jenis pembiayaan [3 markah]
- c) Jelaskan sumber pembiayaan di bawah:
- i) Pemfaktoran [2 markah]
 - ii) Overdraf [2 markah]
 - iii) Rizab [2 markah]

6. (a) (i) Terangkan maksud rancangan perniagaan. [3 markah]
- (ii) Bagaimanakah rancangan perniagaan yang dibuat dapat membantu usahawan untuk menilai projek yang dirancang? [3 markah]
- b) Nyatakan 4 dokumen perniagaan yang perlu disimpan dalam urusan perniagaan [4 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan sahaja.*

Datin Seri Saadiah merupakan seorang bekas pengurus di sebuah syarikat. Setelah berhenti dari pekerjaannya, beliau bercadang ingin membuka perniagaan seperti dalam rajah berikut :



7. a) Cadangkan tiga bahagian fungsian yang paling sesuai diwujudkan oleh Datin Seri Sumayyah bagi memastikan matlamat perniagaan beliau tercapai. [3 markah]
- b) Jelaskan dua tujuan setiap bahagian dalam organisasi perniagaan yang dicadangkan. [6 markah]
- c) Datin Seri Saadiah bercadang ingin membuka butik dalam talian dengan menggunakan media sosial. Pada pendapat anda, apakah kelebihan dan kekurangan penggunaan media sosial dalam menjalankan sesebuah perniagaan. [6 markah]

8. Dialog berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan yang diperlukan bagi sebuah perniagaan.

Insyirah : Jualan perabot kilang saya semakin merosot. Risau betul dibuatnya. Saya rasa, perabot yang dihasilkan di kilang saya perlu diperbaiki mengikut trend hari ini.

Akid : Betul. Kalau awak tidak membuat perubahan pada perabot awak, saya kluatir perniagaan awak akan mengalami kerugian yang besar.

Insyirah : Boleh nak buat perubahan tu tapi saya kekurangan wang. Nak buat semua tu perlukan wang yang besar. Mana nak cari. Simpanan sendiri pun tak mampu nak tampung kos.

Akid : Tu awak tak perlu risau. Awak buat rancangan perniagaan dan kemukakan pada agensi atau institusi kewangan yang sesuai.

- a) Jelaskan sumber pembiayaan yang boleh digunakan Insyirah? [2 markah]
- b) Cadangkan agensi kerajaan yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi Insyirah? [4 markah]
- c) Jelaskan kekuatan dan kelemahan sumber pembiayaan yang dipilih? [6 markah]
- d) Insyirah perlu mendapatkan khidmat nasihat kewangan setelah menyediakan rancangan perniagaan. Mengapa? [3 markah]

9. Maklumat di bawah ini diperolehi daripada dua buah perniagaan pakaian kanak-kanak.

Butiran aset semasa dan liabiliti semasa	Syarikat Kasih Sdn Bhd (RM)	Syarikat Sayang Sdn Bhd (RM)
Tunai di bank	12 000	15 000
Penghutang	4 500	3 400
Stok	1 000	1 000
Pemiutang	1 500	2 000
Kos jualan	1 300	2 400
Jualan bersih	5 000	4 200
Jumlah aset	17 500	19 400

- a) i) Hitung nisbah pusing ganti aset bagi setiap syarikat. [5 markah]
- ii) Hitung nisbah semasa bagi kedua-dua syarikat tersebut. [6 markah]
- b) Sebagai seorang pelabur yang bijak, pilih perniagaan yang terbaik. Berikan alasan anda. [2 markah]
- c) Maklumat berikut berkaitan dengan penyata pendapatan yang disediakan oleh Perniagaan Ikhlas.

Perniagaan Ikhlas

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2021

	RM
Jualan	100 000
Tolak : Kos Jualan	40 000
X	<u>60 000</u>
Tolak : Belanja operasi	20 000
Y	<u>40 000</u>

Apakah X dan Y.

[2 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini **WAJIB** jawab

MaMa Food Industrial Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengeluar dodol pelbagai perisa yang beroperasi di Merlimau, Melaka yang diasaskan oleh Puan Sukinah. Syarikat ini telah beroperasi selama 10 tahun dan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 2020 menunjukkan peningkatan untung bersih kerana kejayaan dalam pengurusan strategi pemasaran.

Bagi meningkatkan hasil jualan, MaMa Food Industrial Sdn Bhd telah meluaskan lagi pasaran ke peringkat global serta telah merancang untuk membuka beberapa pejabat urusan di luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Arab Saudi bagi tujuan agihan dan pemantauan pasaran seterusnya mencapai visi syarikat iaitu, “Menjadi Pengeluar Dodol hingga ke peringkat Antarabangsa.” Oleh itu, beliau juga berani untuk menjual dodol melalui atas talian. Beliau telah mengasaskan laman web e-dagang iaitu “MaMa Dodol” yang dikenali dalam dan luar negara. Keadaan ini bertepatan dengan gaya hidup rakyat Malaysia yang menginginkan suatu perkhidmatan beli-belah yang boleh memudahkan mereka.

Dengan sasaran matlamat yang telah dirancang, MaMa Food Industrial Sdn. Bhd perlu meluaskan ruang kerja serta membeli mesin pengadun dodol bagi menampung kapasiti pengeluaran yang semakin bertambah. Modal tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM 300 000 dan Ahli Lembaga Pengarah bersetuju untuk menggunakan rizab keuntungan perniagaan bagi membiayai segala kos yang diperlukan.



Pengurus kilang juga telah menyediakan jadual penyelenggaraan mesin yang lengkap. Semua mesin dan peralatan diselenggarakan secara rutin sebelum proses pengeluaran dijalankan. Syarikat juga mengambil insurans kebakaran untuk melindungi kilang dan mesin serta stok terhadap risiko kebakaran dan penghantaran tertangguh. Syarikat mengikut dengan tegas segala peruntukan dalam Akta Kilang dan Jentera 1987 dari segi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaanya. Selain itu, bangunan kilang Mama Food Industrial Sdn Bhd juga dilengkapi dengan alat pemadam api, kamera litar tertutup dan mempunyai laluan kecemasan.

Berikut merupakan alat-alat komunikasi yang digunakan oleh MaMa Food Industrial Sdn Bhd bagi melancarkan urusan perniagaan.



Selain daripada itu, perniagaan juga menggunakan perisian perakaunan berbayar bagi merekodkan segala urusan kewangan perniagaan termasuklah pembayaran gaji, pembayaran bahan bekalan dan penerimaan hasil jualan.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Nyatakan empat peranan bahagian fungsian pemasaran bagi perniagaan MaMa Industrial Sdn. Bhd. [4 markah]
- (b) Nyatakan dan lakarkan struktur organisasi yang paling sesuai bagi MaMa Industrial Sdn Bhd. [5 markah]
- (c) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang perlu dijalankan oleh MaMa Industrial Food Sdn Bhd [4 markah]
- (d) Bagaimanakah pertumbuhan ekonomi negara mempengaruhi perniagaan Puan Sukinah. Berikan pandangan anda. [2 markah]
- (e) Jelaskan kepentingan teknologi maklumat dalam bahagian fungsian kewangan. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT